

# LAPORAN TAHUNAN | ASNB



**ASN Equity 3**

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2020



## ISI KANDUNGAN

|                                                                              |           |
|------------------------------------------------------------------------------|-----------|
| <b>1. MAKLUMAT TABUNG</b>                                                    | <b>1</b>  |
| <b>2. PRESTASI TABUNG</b>                                                    | <b>3</b>  |
| <b>3. LAPORAN PENGURUS</b>                                                   | <b>7</b>  |
| <b>4. PENYATA PENGURUS</b>                                                   | <b>12</b> |
| <b>5. PENYATAAN PEMEGANG AMANAH</b>                                          | <b>13</b> |
| <b>6. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT ASN EQUITY 3</b> | <b>14</b> |
| <b>7. PENYATA KEWANGAN</b>                                                   | <b>18</b> |
| 7.1 Penyata Untung Atau Rugi Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2020        | 18        |
| 7.2 Penyata Pendapatan Komprehensif Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2020 | 19        |
| 7.3 Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Mac 2020                              | 20        |
| 7.4 Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2020  | 21        |
| 7.5 Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2020            | 22        |
| 7.6 Nota-Nota Berkenaan Penyata Kewangan – 31 Mac 2020                       | 23        |
| <b>8. ALAMAT CAWANGAN ASNB</b>                                               | <b>59</b> |



## LAPORAN PENGURUS

### ASN EQUITY 3

[Tabung di bawah naungan ASN Umbrella]



### ASN Equity 3

Pemegang-pemegang unit ASN Equity 3 yang dihormati,

AmanahRaya Trustees Berhad (ART) selaku Pemegang Amanah dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) selaku Pengurus ASN Equity 3 dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan ASN Equity 3 bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2020.

#### 1. MAKLUMAT TABUNG

##### 1.1 KATEGORI / JENIS TABUNG

| Nama Tabung                                                          | Kategori | Jenis Tabung               |
|----------------------------------------------------------------------|----------|----------------------------|
| <b>ASN Equity 3</b><br><i>[Tabung di bawah naungan ASN Umbrella]</i> | Ekuiti   | Pertumbuhan dan Pendapatan |

##### 1.2 OBJEKTIF PELABURAN TABUNG

Objektif pelaburan ASN Equity 3 adalah untuk menyediakan peluang pelaburan yang menjana pertumbuhan dan pulangan jangka panjang yang berpatutan bagi memenuhi sebahagian atau kesemua keperluan kecairan segera untuk membolehkan pemegang-pemegang unit menampung keperluan perbelanjaan kesihatan secara berterusan bagi diri mereka dan/atau anak-anak dan/atau individu dibawah jagaan mereka.

##### 1.3 PENANDA ARAS TABUNG

ASN Equity 3 menggunakan penanda aras cipta-suai yang menggabungkan Indeks FTSE Bursa Malaysia 100 ("FBM 100") dan Kadar Deposit Tetap Maybank 12 bulan ("Maybank 12 bulan") bagi tujuan perbandingan prestasinya, seperti berikut:

| Kombinasi Penanda Aras Cipta-Suai                                                                 | %  |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| FBM 100<br><i>Sumber: <a href="http://www.bursamalaysia.com.my">www.bursamalaysia.com.my</a></i>  | 80 |
| Maybank 12 bulan<br><i>Sumber: <a href="http://www.maybank2u.com.my">www.maybank2u.com.my</a></i> | 20 |

#### 1.4 POLISI PENGAGIHAN PENDAPATAN

ASN Equity 3 akan mengagihkan perolehan daripada pendapatannya, jika ada, tertakluk kepada budi bicara pihak pengurusan dan kelulusan daripada pemegang amanah.

#### 1.5 PEGANGAN UNIT

Pada 31 Mac 2020, seramai 89,327 individu telah menyertai ASN Equity 3. Saiz pegangan unit adalah seperti berikut:

| Saiz Pegangan         | Pemegang Unit |               | Unit Dilanggan          |               |
|-----------------------|---------------|---------------|-------------------------|---------------|
|                       | Bilangan      | %             | Unit                    | %             |
| 5,000 dan ke bawah    | 36,987        | 41.40         | 40,021,667.89           | 1.66          |
| 5,001 hingga 10,000   | 9,144         | 10.24         | 69,419,416.35           | 2.88          |
| 10,001 hingga 50,000  | 31,058        | 34.77         | 694,693,243.30          | 28.78         |
| 50,001 hingga 500,000 | 11,816        | 13.23         | 1,281,047,905.23        | 53.08         |
| 500,001 dan ke atas   | 322           | 0.36          | 328,308,883.09          | 13.60         |
| <b>JUMLAH</b>         | <b>89,327</b> | <b>100.00</b> | <b>2,413,491,115.86</b> | <b>100.00</b> |

## 2. PRESTASI TABUNG

### 2.1 PERUMPUKAN ASET

A. Perumpukan Aset Bagi ASN Equity 3 Mengikut Sektor pada Nilai Pasaran Berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) Tabung:

| Sektor                                       | Pada Tahun Kewangan Berakhir<br>31 Mac<br>(%) |               |               |
|----------------------------------------------|-----------------------------------------------|---------------|---------------|
|                                              | 2020                                          | 2019          | 2018          |
| <b>Pelaburan di Pasaran Ekuiti:</b>          |                                               |               |               |
| Perkhidmatan Komunikasi                      | 8.97                                          | 6.52          | 9.10          |
| Barangan Bukan Asasi Pengguna                | 2.43                                          | 0.91          | 2.26          |
| Barangan Asas Pengguna                       | 10.48                                         | 10.99         | 9.19          |
| Tenaga                                       | 2.71                                          | 3.81          | 3.71          |
| Kewangan                                     | 25.56                                         | 32.15         | 24.42         |
| Penjagaan Kesihatan                          | 5.40                                          | 3.02          | 1.03          |
| Perindustrian                                | 3.55                                          | 3.21          | 6.23          |
| Teknologi Maklumat                           | 5.32                                          | 1.74          | 0.49          |
| Bahan Asas                                   | 2.77                                          | 4.02          | 4.69          |
| Hartanah                                     | 5.27                                          | 6.15          | 7.75          |
| Utiliti                                      | 9.46                                          | 7.19          | 6.86          |
| <b>Jumlah</b>                                | <b>81.92</b>                                  | <b>79.71</b>  | <b>75.73</b>  |
| <b>Lain-lain Pelaburan di Pasaran Modal:</b> |                                               |               |               |
| a) Pelaburan di dalam Unit Amanah            | 0.11                                          | 0.10          | 0.11          |
| b) Sekuriti Berpendapatan Tetap              | 8.17                                          | 4.07          | 5.89          |
| c) Lain-lain Pelaburan dan Aset Bersih       | 9.80 <sup>1</sup>                             | 16.12         | 18.27         |
| <b>Jumlah</b>                                | <b>100.00</b>                                 | <b>100.00</b> | <b>100.00</b> |

**Nota :**

1. Termasuk deposit dan tunai dengan institusi kewangan (13.10%) dan akaun belum terima (0.99%), selepas ditolak akaun belum bayar (-4.29%).

## 2.2 MAKLUMAT KEWANGAN

Perbandingan Prestasi Maklumat Kewangan Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun:

|                                                   | Tahun Kewangan Berakhir<br>31 Mac |              |              |
|---------------------------------------------------|-----------------------------------|--------------|--------------|
|                                                   | 2020                              | 2019         | 2018         |
| <b>Sebelum Pengagihan Pendapatan</b>              |                                   |              |              |
| NAB (RM'000)                                      | 1,968,476                         | 2,471,235    | 2,065,186    |
| NAB Seunit (RM)                                   | 0.8154                            | 0.9636       | 1.0801       |
| <b>Selepas Pengagihan Pendapatan</b>              |                                   |              |              |
| Kadar Pengagihan Pendapatan (sen seunit)          | 3.25                              | 4.10         | 5.20         |
| NAB (RM'000)                                      | 1,890,012                         | 2,366,088    | 1,965,759    |
| NAB Seunit (RM)                                   | 0.7829                            | 0.9226       | 1.0281       |
| NAB Seunit Terendah (RM)                          | 0.7489                            | 0.9226       | 0.9959       |
| NAB Seunit Tertinggi (RM)                         | 0.9537                            | 1.0400       | 1.1031       |
| Unit Dalam Edaran ('000)                          | 2,414,266                         | 2,564,566    | 1,912,066    |
| Tarikh Pengagihan Pendapatan                      | 1 April 2020                      | 1 April 2019 | 1 April 2018 |
| Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (%) <sup>1</sup>   | 1.18                              | 1.23         | 1.25         |
| Nisbah Pusing Ganti Portfolio (kali) <sup>2</sup> | 0.53                              | 0.56         | 0.49         |
| <b>Pulangan</b>                                   |                                   |              |              |
| Pulangan Pendapatan (%) <sup>3</sup>              | 4.15                              | 4.44         | 5.06         |
| Pulangan Modal (%) <sup>4</sup>                   | -15.14                            | -10.26       | 2.97         |
| Jumlah Pulangan (%) <sup>5</sup>                  | -11.62                            | -6.27        | 8.18         |

### Nota:

1. Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP) adalah nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan ASN Equity 3 yang dikembalikan dengan purata NAB pada kos ASN Equity 3 untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian. Perubahan antara NPP dari 31 Mac 2019 hingga 31 Mac 2020 adalah tidak ketara.
2. Nisbah Pusing Ganti Portfolio (NPGP) adalah nisbah purata bagi jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan dalam tahun kewangan dengan purata NAB pada kos ASN Equity 3 untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian. Perubahan antara NPGP dari 31 Mac 2019 hingga 31 Mac 2020 adalah tidak ketara.
3. Pulangan Pendapatan (%):  $\left[ \frac{\text{Pengagihan Pendapatan Seunit}}{\text{NAB Seunit Selepas Pengagihan Pendapatan}} \right] \times 100$
4. Pulangan Modal (%):  $\left[ \left( \frac{\text{NAB Seunit Selepas Pengagihan Pendapatan}}{\text{NAB Seunit Awal Tahun Kewangan}} \right) - 1 \right] \times 100$
5. Jumlah Pulangan (%):  $\left[ \left( 1 + \frac{\text{Pulangan Modal}}{100} \right) \times \left( 1 + \frac{\text{Pulangan Pendapatan}}{100} \right) - 1 \right] \times 100$

## 2.3 PENGAGIHAN PENDAPATAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2020, ASN Equity 3 telah memperuntukkan sejumlah RM78,463,645 untuk pembayaran pengagihan pendapatan bersamaan dengan 3.25 sen seunit. Pembayaran bonus, sekiranya ada, adalah tertakluk kepada budi bicara PNB.

## 2.4 JUMLAH PULANGAN TAHUNAN

Jumlah Pulangan Tahunan bagi ASN Equity 3 adalah seperti berikut:

|                                   | Pada 31 Mac 2020 |         |         |
|-----------------------------------|------------------|---------|---------|
|                                   | 1 tahun          | 3 tahun | 5 tahun |
| Pulangan Tahunan (%) <sup>1</sup> | -11.62           | -3.59   | -1.91   |
| Penanda Aras (%) <sup>2</sup>     | -15.41           | -6.32   | -3.68   |

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

### Nota:

- Pengiraan pulangan tahunan (annualized return) adalah seperti berikut:-

$$= \left[ \left[ (1 + r_1) \times (1 + r_2) \times \dots \times (1 + r_n) \right]^{\frac{1}{n}} - 1 \right] \times 100$$

Di mana,  $r$  = pulangan tahunan;  $n$  = bilangan tahun.

- Pengiraan bagi penanda aras telah diselaraskan berdasarkan penanda aras cipta-suai yang terbaharu.

## 2.5 PERBANDINGAN PRESTASI TABUNG DENGAN PENANDA ARAS


Prestasi bagi ASN Equity 3 berbanding penanda aras cipta-suai adalah seperti berikut:

|                               | Tahun Kewangan Berakhir<br>31 Mac |       |      |      |       |
|-------------------------------|-----------------------------------|-------|------|------|-------|
|                               | 2020                              | 2019  | 2018 | 2017 | 2016  |
| Jumlah Pulangan (%)           | -11.62                            | -6.27 | 8.18 | 4.20 | -2.77 |
| Penanda Aras (%) <sup>1</sup> | -15.41                            | -8.33 | 6.01 | 3.45 | -2.49 |

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

### Nota:

- Pengiraan bagi penanda aras telah diselaraskan berdasarkan penanda aras cipta-suai yang terbaharu.



Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Sila ambil perhatian bahawa Pengurus tidak menjamin pulangan pelaburan. Pengagihan pendapatan dan harga unit jika dibayar mungkin turun atau naik. Prestasi tabung masa lalu tidak semestinya mencerminkan prestasi masa hadapan.

## 2.6 ANALISIS NILAI ASET BERSIH (NAB) TABUNG

ASN Equity 3 telah mencatatkan penurunan NAB sebanyak -20.12% daripada RM 2.37 bilion kepada RM 1.89 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2020. NAB seunit turut mencatatkan penurunan sebanyak -15.14% daripada RM 0.9226 kepada RM 0.7829 bagi tempoh yang sama.

## 2.7 PERUBAHAN SIGNIFIKAN TABUNG

Tiada perubahan signifikan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Mac 2020.

## 2.8 SITUASI YANG MENJEJASKAN KEPENTINGAN PEMEGANG UNIT

ASNB dan ASN Equity 3 tidak mengalami situasi-situasi yang boleh menjejaskan kepentingan pemegang unit.

## 2.9 DAGANGAN SILANG

Sepanjang dalam tempoh tinjauan, transaksi dagangan silang dijalankan bagi ASN Equity 3. Transaksi tersebut dijalankan tertakluk kepada Garispanduan bagi Fungsi Pematuhan kepada Institusi Pengurusan Dana "Guidelines on Compliance Function for Fund Management Companies". Pengurus Pelaburan perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Pelaburan sebelum melakukan transaksi dagangan silang dan menyimpan rekod transaksi serta memaklumkan Jawatankuasa Pelaburan selepas pelaksanaan transaksi tersebut.

## 2.10 KOMISIYEN RINGAN

ASNB dan Pengurus Pelaburan tabung unit amanahnya tidak menerima komisyen ringan daripada broker dan/atau wakil urusniaga yang dikendalikan untuk unit amanah.

### 3. LAPORAN PENGURUS

#### 3.1 PENCAPAIAN OBJEKTIF

Tabung ASN Equity 3 ("Tabung") telah berupaya mencapai objektif pelaburannya dalam menjana pulangan jangka panjang yang kompetitif kepada pemegang-pemegang unit untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2020.

#### 3.2 POLISI PELABURAN

Polisi pelaburan Tabung adalah untuk melabur dalam portfolio pelaburan yang dipelbagaikan terutamanya dalam sekuriti dan saham yang disenaraikan di Bursa Malaysia dan bursa saham lain yang diiktiraf, sekuriti yang tidak disenaraikan, instrumen berpendapatan tetap dan pasaran wang serta lain-lain instrumen pasaran modal, seperti yang dibenarkan dalam Suratikatan.

#### 3.3 STRATEGI PELABURAN SEPANJANG TAHUN

Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Mac 2020, Tabung telah melaksanakan perumpukan aset yang aktif dalam pelaburan. Ini dilaksanakan setelah mengambil kira faktor-faktor ekonomi domestik dan global, kadar pulangan pasaran saham serta kadar pulangan bagi sekuriti berpendapatan tetap bagi memastikan objektif Tabung tercapai.

Sepanjang tahun kewangan, purata perumpukan aset adalah lebih kepada ekuiti pada julat 80-85% berbanding penanda aras 80% ekuiti: 20% tunai. Tumpuan lebih diberikan kepada ekuiti berbanding sekuriti berpendapatan tetap dan tunai demi memastikan Tabung mampu menjana pendapatan yang kompetitif, selaras dengan risiko pasaran yang diambil.

##### i. Ekuiti

Pada tahun kewangan ini, Tabung telah menggunakan strategi gabungan antara nilai dan pertumbuhan bergantung pada situasi pasaran. Pelaburan tertumpu kepada sektor-sektor yang mempunyai fundamental yang kukuh dan prospek perniagaan yang cerah dalam keadaan ekonomi dan pasaran yang dipengaruhi ketidakpastian domestik dan global. Antara sektor yang diberi tumpuan di dalam pelaburan domestik adalah sektor kepenggunaan terutama barangan asasi pengguna yang terus disokong oleh perbelanjaan domestik yang kekal sihat dan sektor utiliti seperti penjanaan elektrik yang memberi pulangan dividen yang stabil.

Tabung juga terus mempertingkatkan pelaburan dalam pasaran antarabangsa yang tertumpu kepada sektor-sektor seperti teknologi maklumat, kepenggunaan dan kesihatan yang mempunyai prospek perniagaan yang cerah dan kadar pertumbuhan pendapatan yang baik. Pelaburan di pasaran antarabangsa melibatkan beberapa pasaran utama dunia seperti di pasaran saham Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah dan juga Asia demi mempelbagaikan pelaburan antarabangsa dan untuk memastikan Tabung mampu menjana pulangan yang kompetitif di dalam pasaran ekuiti yang mencabar.

Di samping itu, pengurus Tabung turut mencari peluang untuk mengaut keuntungan daripada turun naik pasaran melalui aktiviti jual beli saham-saham yang diniagakan di bawah harga wajar.

## **ii. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Wang Tunai**

Sepanjang tempoh tahun kewangan berakhir 31 Mac 2020, Tabung telah meningkatkan pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap kepada 8.17% pada 31 Mac, 2020 berbanding 4.07% yang dicatatkan pada tahun berakhir sebelumnya.

Pembelian sekuriti berpendapatan tetap yang dilakukan adalah daripada terbitan yang mempunyai purata kadar hasil yang lebih tinggi dari kadar hasil pasaran kewangan dan taraf rating "AA3", lebih tinggi daripada sasaran minima taraf rating "A". Antara terbitan sekuriti berpendapatan tetap yang dibeli oleh Tabung adalah IJM Corporation Berhad, Imtiaz Sukuk II Berhad, KLK Berhad, PNB Merdeka Ventures Sdn. Bhd., dan Tenaga Nasional Berhad. Disamping itu, Tabung juga turut melabur di dalam sekuriti kerajaan Malaysia iaitu Malaysian Government Securities (MGS) dan juga Government Investment Issues (GII) di mana pulangnya terdiri daripada kupon dan juga keuntungan modal disamping mempunyai kecairan yang tinggi berbanding korporat bon.

Walaupun bagaimanapun, Tabung masih mengekalkan pelaburan yang lebih tinggi dalam pasaran wang berbanding sekuriti berpendapatan tetap. Ini bagi membolehkan Tabung memiliki kecairan yang mencukupi bagi memasuki pasaran saham tempatan dan antarabangsa pada masa yang bersesuaian seiring dengan perumpukan aset aktif dan menyediakan mudah tunai untuk kegunaan harian.

## **3.4 ULASAN EKONOMI DAN PASARAN SAHAM**

Bagi tempoh tahun kewangan berakhir 31 Mac 2020, pasaran saham antarabangsa telah mencatatkan prestasi yang memberangsangkan dalam tempoh tiga suku pertama tahun kewangan. Walau bagaimanapun, pasaran saham antarabangsa mencatatkan pulangan negatif pada suku terakhir tahun kewangan berikutan penularan virus COVID-19 dan kejatuhan harga minyak mentah yang mendadak akibat kegagalan perjanjian antara Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) dengan Rusia dan juga disebabkan oleh permintaan global yang lebih rendah. Seajar dengan itu, indeks komposit utama antarabangsa telah mencatatkan pulangan negatif dengan prestasi terburuk oleh Kesatuan Eropah (Euro Stoxx 50) dengan kejatuhan sebanyak -16.8%, diikuti oleh China (HSCEI) sebanyak -15.7%, Jepun (Nikkei 225) sebanyak -10.8% dan Amerika Syarikat (S&P500) sebanyak -8.8%.

Berikutan daripada penularan virus COVID-19, kesemua indeks pasaran saham utama di rantau ASEAN turut mencatatkan pulangan negatif terutamanya pada bulan Mac 2020. Prestasi indeks pasaran saham yang terburuk dicatat oleh Filipina (PSE, -32.8%), diikuti oleh Thailand (SET, -31.3%), Indonesia (JCI, -29.8%) dan Singapura (STI, -22.8%).

Penanda aras utama pasaran tempatan iaitu indeks FBMKLCI turut mencatatkan penurunan iaitu sebanyak -14.9%. Berikutan daripada penurunan indeks FBMKLCI, antara sektor-sektor yang terjejas teruk adalah sektor tenaga dan sektor perumahan yang telah menunjukkan penurunan paling ketara sebanyak -40.0% dan -39.2% masing-masing. Pada masa yang sama, sektor defensif seperti sektor kesihatan telah mencatatkan pertumbuhan positif yang tertinggi iaitu sebanyak +5.4%, didorong oleh peningkatan permintaan berikutan daripada penularan virus COVID-19. Antara saham-saham FBMKLCI yang telah mencatatkan penurunan ketara dalam tempoh tinjauan adalah Petronas Chemicals Group Berhad (-43.1%), Genting Berhad (-41.0%) dan Malaysia Airports Holdings Berhad (-39.2%). Sementara itu, saham-saham FBMKLCI yang telah mencatatkan peningkatan positif adalah Hartalega Holdings Berhad (+50.6%), Top Glove Corp Berhad (+41.9%) dan MISC Berhad (+16.3%).

Nilai mata wang Ringgit Malaysia juga telah menyusut nilai sebanyak -5.9% untuk ditutup pada paras RM4.3212/USD pada 31 Mac 2020 berbanding RM4.0820/USD pada 31 Mac 2019. Ringgit telah didagangkan pada paras terendah iaitu RM4.4490/USD pada 23 Mac 2020, manakala paras tertinggi adalah RM4.0520/USD pada 20 Januari 2020. Penyusutan nilai mata wang Ringgit Malaysia ini adalah didorong oleh pengeluaran dana oleh pelabur-pelabur asing. Nilai mata wang Ringgit Malaysia terjejas teruk pada bulan Mac 2020 berikutan daripada penularan virus COVID-19 dan juga penurunan harga minyak yang mendadak (sebanyak -66.7% daripada USD68.39 setong kepada USD22.74 setong).

Ekonomi Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan lebih rendah pada tahun 2019 iaitu sebanyak 4.3%, berbanding 4.7% pada tahun 2018. Pada suku pertama 2020, pertumbuhan ekonomi Malaysia adalah jauh lebih perlahan iaitu sebanyak 0.7% berbanding 3.6% pada suku keempat 2019. Ini merupakan pertumbuhan ekonomi yang paling perlahan dicatatkan oleh Malaysia semenjak 2009 akibat krisis kewangan dunia pada masa itu. Penurunan ketara pertumbuhan ekonomi Malaysia pada suku pertama 2020 adalah disebabkan kesan langkah-langkah pencegahan penyebaran COVID-19 di seluruh dunia termasuk Malaysia. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac 2020 di Malaysia telah menjejaskan aktiviti ekonomi di mana pertumbuhan sektor perkhidmatan dan pembuatan, masing-masing telah mencatatkan penurunan kepada 3.1% dan 1.5% berbanding 6.2% dan 3.0% pada suku keempat 2019, manakala sektor perlombongan, pertanian dan pembinaan, masing-masing telah mencatat penguncupan sebanyak -2.0%, -8.7% dan -7.9% berbanding -3.4%, -5.7% dan 1.0% pada suku keempat 2019.

### 3.5 ULASAN PASARAN WANG, SEKURITI BERPENDAPATAN TETAP DAN KADAR KEUNTUNGAN

Sepanjang tempoh tahun kewangan berakhir 31 Mac 2020, Jawatankuasa Dasar Kewangan (Monetary Policy Committee) Bank Negara Malaysia (BNM) telah menurunkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate) sebanyak tiga kali, iaitu penurunan sebanyak 25 mata asas pada setiap kali. Ini menjadikan jumlah penurunan OPR sebanyak 75 mata asas, iaitu daripada 3.25% ke 2.50% bagi memberi sokongan terhadap ekonomi negara yang dijangka mengalami kelembapan akibat perang perdagangan antara Amerika Syarikat dan China, penularan virus COVID-19 dan juga kejatuhan harga minyak yang mendadak. Selaras dengan penurunan OPR, kadar deposit tetap Maybank 12 bulan turut menurun daripada 3.35% kepada 2.60%.

Kadar hasil MGS turut menyusut pada masa yang sama, dengan MGS 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun masing-masing telah menurun sebanyak 61, 60 dan 77 mata asas. Penurunan kadar hasil tersebut didorong oleh permintaan pelaburan terhadap instrumen berisiko rendah dan juga pelonggaran dasar monetari yang telah dipakai oleh bank-bank pusat di seluruh dunia termasuk Malaysia.

Sementara itu, pasaran bon korporat bertaraf AAA dan AA berjangka sederhana dan panjang antara 3 dan 10 tahun turut mencatatkan penurunan kadar hasil antara 60 hingga 75 mata asas berikutan permintaan yang kukuh dalam pasaran sekuriti bon korporat tempatan.

### 3.6 STRATEGI PELABURAN PADA MASA HADAPAN

Bagi tahun kewangan seterusnya, pengurus Tabung menjangkakan pasaran saham tempatan serta antarabangsa akan kekal mencabar akibat penularan Covid-19 yang dijangkakan akan memberi impak yang besar kepada ekonomi dunia. Tabung Kewangan Antarabangsa mengunjurkan pandemik COVID-19 akan mencetuskan kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 2020 berbanding jangkaan awal pertumbuhan ekonomi dunia sebanyak 3.3%. Oleh itu, pengurus Tabung akan melaksanakan perumpukan aset yang aktif antara pelaburan ekuiti, sekuriti berpendapatan tetap dan pasaran wang demi memastikan pulangan Tabung kekal kompetitif. Pengurus Tabung akan sentiasa proaktif dalam mengkaji semula strategi pelaburan secara berkala dengan mengambil kira keperluan semasa, keadaan ekonomi serta persekitaran pelaburan yang sentiasa berubah.

#### i. Ekuiti

Pelaburan ekuiti Tabung akan dilakukan secara selektif dalam saham-saham syarikat yang diniagakan di bawah harga wajar yang mempunyai fundamental dan asas perniagaan yang kukuh berdasarkan prospek ekonomi dan juga menepati tema pelaburan semasa. Tabung akan memilih saham-saham dalam sektor-sektor yang dijangka dapat memberikan pulangan yang lebih baik daripada penanda aras. Antara sektor yang diberi tumpuan adalah sektor kesihatan terutamanya sektor pembuatan sarung tangan getah yang dijangka untuk kekal utuh disokong permintaan global yang kukuh terutamanya dalam suasana penularan pandemik Covid-19. Pengurus Tabung juga akan mengambil strategi taktikal dalam keadaan

pasaran saham yang turun naik untuk menjana keuntungan daripada penjualan saham.

Selain itu, pengurus Tabung juga akan terus mempelbagaikan pelaburan dalam pelaburan saham antarabangsa bagi memastikan Tabung terus kekal memberikan pulangan yang kompetitif. Pelaburan antarabangsa juga akan dibuat secara selektif berdasarkan analisa yang mampan dan juga akan menumpukan kepada syarikat-syarikat yang mempunyai asas perniagaan yang kukuh, mempunyai pertumbuhan pendapatan yang utuh disamping diniagakan di bawah harga wajar. Pelaburan dalam sektor-sektor seperti teknologi maklumat, kesihatan, dan kepenggunaan akan menjadi tumpuan atas prospek cerah didorong oleh pertumbuhan permintaan yang kukuh.

## **ii. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Wang Tunai**

Pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap akan terus dilakukan dengan mengambil kira faktor-faktor seperti perolehan, kecairan, tempoh matang dan juga kupon yang berpatutan dengan risiko yang ditanggung oleh Tabung. Di samping itu, pelaburan Tabung dalam pasaran wang juga akan dikekalkan bagi membolehkan Tabung memiliki kecairan yang mencukupi dan menyediakan mudah tunai untuk kegunaan harian. Pelaburan dalam pasaran wang dan sekuriti berpendapatan tetap dapat mengimbangi secara efektif keseluruhan risiko dan pulangan dalam portfolio.

Pengurus Tabung akan sentiasa mengkaji semula strategi pelaburan secara berkala dan mengikut keperluan semasa bagi mengekalkan keupayaan Tabung untuk memberikan pulangan yang kompetitif kepada pemegang-pemegang unit dan mengekalkan modal jangka panjang. Tabung juga pada sesuatu masa akan mengambil posisi bertahan dengan membuat pelaburan di dalam pelaburan berisiko rendah seperti pelaburan di dalam wang tunai jika berlaku perubahan yang ketara kepada ekonomi dan juga pasaran saham.

#### 4. PENYATA PENGURUS

Kepada Pemegang-pemegang Unit

##### **ASN EQUITY 3**

Kami, sebagai Pengarah kepada AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, selaku Pengurus kepada ASN EQUITY 3 ("Unit Amanah"), dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan bagi Unit Amanah bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2020, berserta dengan nota-nota yang dikepilkan padanya telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa, bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Mac 2020, dan keputusan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD selaku Pengurus kepada ASN EQUITY 3, menurut resolusi para Pengarah bertarikh 15 Mei 2020.

**TAN SRI DR. ZETI AKHTAR AZIZ**

Pengerusi

**MOHAMMAD BIN HUSSIN**

Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia  
15 Mei 2020

## 5. PENYATAAN PEMEGANG AMANAH

Kepada Pemegang-Pemegang Unit

### ASN EQUITY 3

Kami, AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD telah bertindak selaku Pemegang Amanah kepada ASN EQUITY 3 bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2020. Pada pendapat kami, AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, selaku Pengurus telah melaksana dan mengurus ASN EQUITY 3 selaras dengan had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada Pengurus dan Pemegang Amanah mengikut Suratikatan, lain-lain peruntukan Suratikatan, undang-undang sekuriti dan Garispanduan Tabung Unit Amanah yang diterimapakai dengan mengambil kira segala pengecualian yang telah diberikan kepada ASN EQUITY 3 bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2020.

Kami juga berpendapat bahawa:

- (a) Penilaian dan penentuan harga adalah dibuat selaras dengan Suratikatan dan mana-mana kehendak kawalseliaan;
- (b) Penjadian dan perlucutan unit dilaksanakan adalah selaras dengan Suratikatan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan; dan
- (c) pengagihan kepada pemegang-pemegang unit ASN EQUITY 3 sepertimana yang diisytiharkan oleh Pengurus adalah sesuai dan selaras dengan objektif pelaburan ASN EQUITY 3.

Yang benar,

**AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD**

**ZAINUDIN BIN SUHAIMI**

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur, Malaysia

15 Mei 2020

## 6. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT ASN EQUITY 3

### Laporan Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan ASN EQUITY 3 ("Unit Amanah"), yang mengandungi penyata untung atau rugi pada 31 Mac 2020, penyata pendapatan komprehensif, dan penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, dan rumusan dasar-dasar perakaunan dan lain-lain nota keterangan yang dibentangkan pada muka surat 18 hingga 58.

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards - MFRS) bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Mac 2020 dan prestasi kewangannya serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

### Pendapat

Kami telah menjalankan audit kami menurut piawaian pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut diuraikan dengan lanjut dalam laporan kami di bawah seksyen *Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan*. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

### Tanggungjawab kebebasan dan lain-lain tanggungjawab etika

Kami bebas daripada Unit Amanah selaras dengan Undang-Undang Kecil (atas Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Akauntan Etika Akauntan Profesional ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi lain-lain tanggungjawab etika mengikut undang-undang kecil dan Kod IESBA.

### Maklumat selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya

Pengurus Unit Amanah adalah bertanggungjawab untuk lain-lain maklumat. Lain-lain maklumat tersebut merangkumi maklumat yang terkandung dalam Laporan Tahunan Unit Amanah tetapi tidak termasuk penyata kewangan dan laporan juruaudit yang dilampirkan.

Laporan tahunan ini dijangka tersedia kepada kami selepas tarikh laporan juruaudit ini.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan tidak meliputi lain-lain maklumat dan kami tidak akan menyatakan sebarang bentuk jaminan ke atas kesimpulan mengenainya.

Sehubungan dengan audit kami terhadap penyata kewangan, tanggungjawab kami adalah untuk mempertimbangkan samada lain-lain maklumat tersebut secara materialnya tidak selaras dengan penyata kewangan atau pengetahuan diperolehi dari audit, atau sebaliknya menunjukkan kesilapan material yang ketara dengan membaca lain-lain maklumat yang dikenal pasti di atas apabila ia tersedia.

Apabila kami membaca laporan tahunan, sekiranya kami mendapati terdapat salah nyata yang ketara di dalamnya, kami perlu menyampaikan perkara itu kepada yang berkaitan dengan tadbir urus dan melaporkan fakta-fakta tersebut mengikut kesesuaian.

### **Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Amanah terhadap Penyata Kewangan**

Pengurus Unit Amanah adalah bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama berdasarkan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards - MFRS) dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (International Financial Reporting Standards - IFRS). Pengurus juga bertanggungjawab ke atas kawalan dalaman berkaitan penyediaan dan persembahan yang saksama penyata kewangan, yang bebas dari kesilapan yang material, samada disebabkan kesilapan atau pecah amanah. Pemegang Amanah adalah bertanggungjawab untuk memastikan Pengurus menyimpan rekod perakaunan dan lain-lain rekod yang diperlukan untuk persembahan penyata kewangan yang saksama.

Dalam menyediakan penyata kewangan Unit Amanah, Pengurus adalah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Unit Amanah untuk meneruskan sebagai usaha berterusan, menyatakan, yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan jika para Pengarah berhasrat untuk membubarkan Unit Amanah atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain berbuat demikian.

Pemegang Amanah bertanggungjawab untuk mengawasi proses laporan kewangan Unit Amanah. Pemegang Amanah juga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Pengurus menyelenggara perakaunan yang betul dan lain-lain rekod yang diperlukan untuk membolehkan penyampaian penyata kewangan ini benar dan saksama.

### **Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif kami adalah untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Unit Amanah secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau dalam agregat, salah nyata ini dijangkakan akan mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menjalankan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional semasa menjalankan audit. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Unit Amanah, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, reka bentuk dan melaksanakan prosedur audit yang responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada salah nyata akibat kesilapan memandangkan penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Unit Amanah.
- Menilai kesesuaian polisi-polisi perakaunan yang digunakan dan kemusnahsabahan anggaran perakaunan dan berkaitan pendedahan yang dibuat oleh Pengurus.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian Pengurus menggunakan asas perakaunan usaha berterusan dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujud ketidakpastian yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh membuang keraguan ketara pada keupayaan Unit Amanah untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa wujud ketidakpastian, kami dikehendaki untuk menyatakannya dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Unit Amanah atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan yang akan berlaku pada masa akan datang boleh menyebabkan Unit Amanah untuk menghentikan terus usaha yang berterusan.
- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan Unit Amanah, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan berdasarkan asas urus niaga asas dan peristiwa dalam cara yang mencapai pembentangan saksama.

Kami berkomunikasi dengan Pengurus mengenai, antara perkara-perkara lain, skop yang dirancang dan masa untuk audit dan penemuan penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa audit kami.

### **Lain-lain Perkara**

Laporan ini dibuat semata-mata untuk pemegang Unit Amanah, sebagai sebuah badan, dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.

**Hanafiah Raslan & Mohamad PLT**

202006000002

(LLP0022759-LCA) & AF 0002

Akauntan Bertauliah

**Muhammad Syarizal bin Abdul Rahim**

No. 03157/01/2021 (J)

Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia

15 Mei 2020

## 7. PENYATA KEWANGAN

### 7.1 PENYATA UNTUNG ATAU RUGI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2020

|                                                                                                   | Nota | 2020<br>RM          | 2019<br>RM          |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------|------|---------------------|---------------------|
| <b>PENDAPATAN</b>                                                                                 |      |                     |                     |
| Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan |      | 12,791,474          | 18,384,819          |
| Pendapatan dividen                                                                                |      | 78,844,083          | 69,049,170          |
| Keuntungan/(Kerugian) ternyata daripada penjualan pelaburan (FVTPL)                               |      | 18,262,824          | (3,961,092)         |
| Kerugian tidak ternyata daripada perubahan nilai saksama pelaburan (FVTPL)                        |      | (58,090,109)        | (27,678,358)        |
| Keuntungan/(Kerugian) bersih kadar tukaran asing                                                  |      | 1,887,270           | (1,767,702)         |
|                                                                                                   |      | <u>53,695,542</u>   | <u>54,026,837</u>   |
| <b>PERBELANJAAN</b>                                                                               |      |                     |                     |
| Yuran pengurus                                                                                    | 4    | 23,452,716          | 23,119,587          |
| Yuran pemegang amanah                                                                             | 5    | 450,000             | 450,000             |
| Ganjaran juruaudit                                                                                |      | 22,000              | 22,000              |
| Yuran ejen cukai                                                                                  |      | 4,500               | 3,500               |
| Perbelanjaan pentadbiran                                                                          |      | 3,555,533           | 4,844,356           |
|                                                                                                   |      | <u>27,484,749</u>   | <u>28,439,443</u>   |
| <b>PENDAPATAN BERSIH SEBELUM CUKAI</b>                                                            |      | 26,210,793          | 25,587,394          |
| <b>CUKAI</b>                                                                                      | 6    | -                   | -                   |
| <b>PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI</b>                                                            |      | <u>26,210,793</u>   | <u>25,587,394</u>   |
| <b>Pengagihan pelaburan</b>                                                                       | 7    | <u>78,463,645</u>   | <u>105,147,206</u>  |
| <b>Pengagihan kasar dan bersih seunit</b>                                                         | 7    | <u>3.25 sen</u>     | <u>4.10 sen</u>     |
| <b>Tarikh Pengagihan</b>                                                                          |      | <u>1 April 2020</u> | <u>1 April 2019</u> |
